

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BIL. 4/1977

Tindakan Mengenai Pemerintahan Tanah Kerajaan Dengan Secara Haram

Adalah saya dengan segala hormatnya manarik perhatian semua PHT kepada sikap dan dasar Kerajaan Negeri mengenai Cara-Cara Mengatasi dan Menyelesaikan Masalah Perintahan Haram bagaimana dalam Pekeliling PTG. Bil. 6/1976 yang telah dikeluarkan pada 28hb. April, 1976.

2. Perenggan 2(d) daripada Pekeliling yang tersebut diatas telah mengarahkan semua PHT supaya mengambil tindakan tegas yang lebih berkesan untuk menyekat kawasan-kawasan baharu, terutama kawasan-kawasan yang layak dibuka untuk satu-satu rancangan pembukaan tanah, daripada dicerobohi oleh golongan orang yang tidak bertanggungjawab.

3. Dalam hubungan ini telah sampai kepengetahuan Kerajaan tentang adanya setengah-setengah pihak yang tertentu telah mengambil kesempatan semula untuk menceroboh dan cuba memerintah tanah Kerajaan dengan secara haram. Mereka telah tersalah anggap atau sengaja buat tidak faham dengan membuat pengertian bahawa Kerajaan telah menubuhkan Yunit Pasukan Petugas yang bertujuan untuk mengambil langkah-langkah bagi memberi milik atau menghalal pemerintahan mereka.

4. Sikap dan tingkah yang dilakukan oleh golongan yang di atas adalah sangat merbahaya kepada dasar dan Pentadbiran Tanah Negeri Kelantan. Oleh itu semua PHT hendaklah bertindak tegas untuk mencegah golongan-golongan yang tidak bertanggungjawab itu dari menceroboh tanah-tanah Kerajaan, kerana tanah-tanah yang diberi pertimbangan untuk diberi milik kepada pemerintah-pemerintah tanah secara haram itu hanyalah tanah-tanah yang ada mengandungi pokok-pokok yang berharga dan mempunyai nilai-nilai dari segi ekonomi dan jika tanah itu tidak diperlukan untuk apa-apa Rancangan Kerajaan.

Saya yang menurut perintah:

(MOHD. TAJOL AROS B.AHMAD)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

Kepada: Semua Ketua-Ketua Jajahan dan Penolong-Penolong,
Ketua Jajahan 1, Kelantan.

s.k Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan..

Y.B. Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan.

Y.B. Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri, Kelantan.

Juru Odit Negeri Kelantan.

Pengarah Ukur Negeri Kelantan.

Pengarah LKTN, Kelantan.

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan.

Setiausaha kepada Menteri Besar.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN, KOTA BHARU.**

**FAIL: PTG(KN) SULIT 23/66 VOL.3/(28)
4hb.Mei,1977.**